

# GANDINGAN KATA BILANGAN DAN PENGGANDAAN BAHASA MELAYU: SAMA TAK SERUPA

*Nor Hashimah Jalaluddin*

## Abstrak

Ramai penahu Melayu, antaranya Asmah (1993), Nik Safiah *et al.* (1997), Hashim Musa (1993), Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan (1994), dan Za'ba (2000) ada membincangkan kata ganda dengan tumpuan khusus pada aspek morfologi. Ada sedikit perbincangan yang menyentuh tentang makna kata ganda itu sendiri. Nor Hashimah (2002) ada membincangkan kata ganda dari perspektif semantik dengan menyorotkan makna khusus dan tidak khusus pada kata tersebut. Kata bilangan kardinal dan bilangan tak tentu turut dibincangkan dalam kata ganda bilangan. Kata kardinal "tiga ekor ayam" tergambar jamaknya pada "tiga" dan "ayam" tidak perlu digandakan. Penahu Melayu juga menyorotkan perkara yang serupa untuk kata bilangan tak tentu. "Semua guru" ialah gambaran jamak dan tidak perlu digandakan "guru". Data korpus, sama ada yang bertulis mahupun pertuturan menggambarkan sebaliknya. Fungsi kata ganda bilangan akan menjadi lebih menarik apabila dilihat pada korpus yang lebih luas. Analisis semantik dengan pendekatan rangka rujuk silang dan pemilihan rujukan akan menjelaskan perbezaan kedua-dua kata ganda ini dengan meyakinkan.

## Abstract

*Many Malay grammarians, namely Asmah (1993), Nik Safiah et al. (1997), Hashim Musa (1993), Liaw Yock Fang and Abdullah Hassan (1994), and Za'ba (2000) have discussed about reduplication and their focus primarily on the morphological aspect. There are only a few studies that explore meanings of the reduplicated forms. Nor Hashimah (2002) suggests that based on semantics perspective, Malay reduplication conveys specific and non-specific meanings. Numerical cardi-*

*nals and quantifiers are also regarded as part of reduplication. The phrase 'tiga ekor ayam' (three hens) is in plural forms – the numeral 'tiga' marks the plurality and the nominal 'ayam' is not reduplicated. Malay grammarians propose the same rule for quantifiers. The phrase 'semua guru' (all teachers) is already in plural form and therefore the word 'guru' does not need to be reduplicated. Nevertheless, the written and spoken data prove otherwise. The analysis on functions of numerical reduplications will be more exiting if corpus with big data is examined. Accordingly, semantic analysis of bridging cross-reference and reference assignment explains the differences between the two numerical reduplications adequately.*

## PENDAHULUAN

Kertas ini akan membincangkan penggunaan kata bilangan dalam bahasa Melayu. Kata bilangan bahasa Melayu selalunya digandingkan dengan penjodoh bilangan dan menjadikannya sangat menarik untuk digunakan. Memandangkan bahasa Melayu tidak mengalami perubahan morfologi apabila adanya unsur jamak sebagaimana yang berlaku dalam bahasa Inggeris, maka kata bilangan ini boleh dianggap sebagai penanda penting bagi membezakan sama ada subjek yang dibincangkan itu tunggal atau jamak. “Seekor kambing” berbeza dengan “sepuluh ekor kambing” berdasarkan bilangannya. Jelasnya tidak akan berlaku perubahan morfologi kepada perkataan kambing itu sendiri. Kata bilangan jenis ini dipanggil kata bilangan kardinal atau kata bilangan tentu. Bagaimana pula dengan kata bilangan tak tentu/kuantiti, contohnya *para, semua, segala, beberapa, seluruh* dan sebagainya? Makna yang dibawa oleh kesemua kata bilangan tak tentu ini menurut *Kamus Dewan* (1994) membawa maksud jamak. Atau mungkinkah jamak yang ada pada kata tak tentu/kuantiti ini membawa makna yang lain daripada jamak? Jadi di sini seolah-olah ada pembahagian tugas dalam bentuk penyebaran saling melengkapi antara kata bilangan tentu dengan kata bilangan tak tentu. Jika dalam kata bilang tentu boleh melahirkan tunggal dan jamak, tetapi hal yang sama tidak berlaku kepada kata bilangan tak tentu. Hanya konotasi jamak sahaja yang dimiliki oleh kata bilangan tak tentu ini.

Kertas ini ingin menelusuri dengan lebih mendalam lagi mengenai kata bilangan dalam bahasa Melayu. Aspek kata bilangan tak tentu kelihatan lebih banyak memberikan ruang untuk diperdebatkan. Penggunaan kata ganda bilangan tak tentu dalam percakapan sehari-hari seolah-olah

menunjukkan kata bilangan tak tentu yang telah jamak sifatnya boleh digandakan lagi. Penggunaan sehari-hari oleh masyarakat penutur yang tentunya boleh dianggap sebagai sebahagian daripada korpus data pertuturan seolah-olah mencabar definisi kata bilangan yang diberikan terlebih awal oleh penahu. Semakan data korpus berkomputer pula mengesahkan kehadiran yang sama dengan kekerapan yang tinggi bagi kes kata ganda bilangan tak tentu. Memandangkan kajian ini berfokus pada kajian korpus, satu penilaian semula terhadap kata bilangan tak tentu harus dilakukan. Pendekatan rangka rujuk silang dan pemilihan rujukan dalam ilmu semantik akan diguna pakai bagi menjelaskan konflik yang timbul ini.

### Huraian Nahu Terdahulu

Kata bilangan ini dibincangkan dalam kebanyakan buku nahu Melayu. Nik Safiah *et al.*, dalam buku *Tatabahasa Dewan* (1986) telah membincangkan kata bilangan ini secara ringkas. Nik Safiah telah membahagikan kata bilangan ini kepada bilangan kardinal dan juga bilangan tak tentu. Menurut Nik Safiah, kata bilangan yang menunjukkan jumlah yang tentu sifatnya disebut bilangan kardinal seperti dua, dua puluh, tiga ratus, sepuluh ribu dan sebagainya. Sementara kata bilangan tak tentu pula adalah seperti *para*, *beberapa*, *semua*, *seluruh*, *sekalian* dan sebagainya. Menurut beliau lagi, kata bilangan tak tentu sudah menandakan jamak dan tidak boleh dijamakkan lagi. Maka ayat yang berikut dianggap salah:

- (i) \*Segala persiapan-persiapan telah dibuat.
- (ii) \*Semua pegawai-pegawai tidak dibenarkan bercuti esok.

Selain kata bilangan di atas, Nik Safiah juga ada membincangkan kata bilangan himpunan seperti *berabad-abad*, *beribu-ribu*, *berguni-guni* dan sebagainya. Kata bilangan yang membawa maksud pisahan pula adalah seperti *masing-masing*, *tiap-tiap* dan *setiap*. Dan akhirnya kata bilangan pecahan seperti *setengah*, *sepertiga*, *separuh*.<sup>1</sup>

Abdullah Hassan dan Liaw Yock Fang dalam buku mereka, *Nahu Melayu Moden* (1994) turut menyentuh kata bilangan ini. Pendapat mereka selari dengan pendapat Nik Safiah *et al.* (1986), cuma ada sedikit tambahan dari segi fungsi kata bilangan itu sendiri. Abdullah dan Liaw memberikan fungsi kata bilangan. Menurut mereka, fungsi kata bilangan yang terpenting

---

1 Kertas ini akan membincangkan kata bilangan tentu dan tak tentu/kuantiti sahaja.

ialah bertindak sebagai penerang nama. Contohnya:

- (i) Saya mempunyai *dua* orang sahabat karib.
- (ii) Orang itu ada *banyak* wang yang disimpan di dalam bank.
- (iii) *Seluruh* ruangan itu sunyi senyap.

Selain berfungsi sebagai penerang nama, kata bilangan juga boleh berfungsi sebagai subjek, objek dan adverba. Contohnya:

- (i) Semua (pegawai) sudah keluar dari bilik mesyuarat – subjek.
- (ii) Umurnya baru *lima belas* (tahun) – objek.
- (iii) Mereka datang *bertiga* – adverba.

Asmah Hj. Omar dalam bukunya *Nahu Melayu Mutakhir* (1982) lebih terperinci huraianya mengenai kata bilangan. Asmah membahagikan kata kardinal kepada kata ordinal dan kata kuantiti. Bezanya antara kata ordinal dengan kuantiti adalah dari segi kata nombor boleh menjadi dasar untuk pembentukan kata ordinal tetapi tidak bagi kata kuantiti.

Suatu yang menarik mengenai tulisan Asmah ialah beliau tidak mengatakan yang kata bilangan tak tentu ini tidak boleh digandakan. Cuma beliau mengatakan kata bilangan tak tentu *para* digunakan untuk menjamakkan kata nama manusia pada taraf sosial yang tinggi, misalnya *para pegawai, para mahasiswa*.

Daripada pendapat tiga orang penahu di atas, boleh dirumuskan bahawa hanya tulisan Asmah yang bersifat lebih fleksibel. Asmah tidak mengatakan bahawa menggandakan perkataan selepas kata bilangan tak tentu itu salah dari segi tatabahasa. Tetapi Abdullah dan Nik Safiah *et al.* memberikan pembahagian yang jelas antara kata bilangan tentu (kardinal) dengan kata bilangan tak tentu (kuantiti). Dari segi pengajaran bahasa di peringkat sekolah yang memerlukan satu bentuk penjelasan nahu yang mudah mungkin huraian Abdullah dan Nik Safiah *et al.*, lebih sesuai dipakai. Tetapi bagi peringkat kajian para sarjana, pendapat Asmah lebih memberikan ruang untuk diteroka dengan lebih mendalam. Tulisan Asmah mampu mengundang perbincangan di peringkat sarjana.

Mengapa dikatakan begitu? Kajian ini berlandaskan korpus. Dapatan senarai penggunaan kata kuantiti menunjukkan berlakunya penggandaan yang kerap, bukan sahaja dalam data korpus berkomputer tetapi juga pada korpus pertuturan. Penutur Melayu dapat menghasilkan frasa, klausa mahupun ayat dengan menjamakkan kata kuantiti tanpa kekok. Kekkerapan penggunaan ini sangat ketara, terutama dalam korpus pertuturan.

Ia diungkapkan bukan sahaja dalam majlis tak formal tetapi dalam majlis formal juga. Malah kita sendiri tanpa disedari akan melakukan perkara yang sama. Maka di sinilah berlakunya konflik antara apa yang terkandung di dalam buku nahu dengan apa yang berlaku dalam dunia realiti. Bagi menjelaskan apa yang dikatakan sebagai kata bilangan yang gramatis dan tidak gramatis, maka dipaparkan contoh yang diambil daripada data korpus.

Contoh kata bilangan tentu/kardinal dan tak tentu/kuantiti yang betul:

- a. "Tengok nasib?" Dia bertanya. \*\*\*Dua\*\*\* orang pemuda yang beruniform.
- b. Yang ada cuma \*\*\*dua\*\*\* buah almari besi, dua buah meja.
- c. Kepada pihak berkenaan cuba fikirkan \*\*\*segala\*\*\* baik buruknya kursus vokasional di SMT sekiranya dihentikan.
- d. "Oleh itu, kerajaan harus bertegas supaya \*\*\*semua\*\*\* urusan itu dibuat secara telus.
- e. Saranan kerajaan untuk menggalakkan rakyat menumpukan semula kepada sektor pertanian sebagai \*\*\*sebahagian\*\*\* usaha menangani era kegawatan ekonomi sekarang.
- f. kesan El Nino mula menurun dan \*\*\*kebanyakan\*\*\* iklim dan keadaan cuaca dunia mula kembali normal.

Contoh kata bilangan tentu dan tak tentu yang salah:

- a. Dia ingin menyatakan rasa kesalnya dengan sikap dan pemikiran \*\*\*sesetengah\*\*\* orang-orang kampung yang tidak berminat menghantar anak-anak mereka untuk mendapatkan pelajaran.
- b. Kita mungkin ada pengalaman melihat bagaimana ada \*\*\*sebilangan\*\*\* anak-anak muda yang menghabiskan malam-malam Ramadan dengan kerja sia-sia.
- c. \*\*\*Sebahagian\*\*\* kilang-kilang yang akan didirikan di Taman Industri Getah itu adalah berkonsepkan inkubator (*incubator*) dan bimbingan.
- d. Peranan kontraktor (pemborong) sebagai orang tengah yang masih dikekalkan di \*\*\*kebanyakan\*\*\* ladang-ladang KETENGAH.
- e. Anda tidak boleh membantu \*\*\*semua\*\*\* anak-anak Iraq," katanya.
- f. Bolehkah kita mempercayai seseorang doktor itu jika \*\*\*segala\*\*\* butir-butir yang sepatutnya dirahsiakan menjadi bahan bualan?

Daripada contoh data yang dipaparkan di atas, jelas menunjukkan seolah-olah wujudnya konflik antara pendapat penahu dengan apa yang ditemukan dalam data korpus. Sebagaimana yang disebutkan terlebih awal lagi, kekerapan kemunculan data-data yang menggunakan kata bilangan tak tentu bersama kata nama yang digandakan sangat tinggi. Di sinilah bermulanya titik tolak kepada cara baharu penguraian nahu bahasa Melayu. Selaras dengan tugas dan tanggungjawab seorang linguist, mana-mana data yang dianggap tidak selari dengan kajian terdahulu, maka kajian baharu harus menyusul bagi mencari penyelesaiannya. Malah ia juga menjadi tugas linguist untuk mencari punca mengapa pola bahasa yang bertentangan dengan penahu muncul dengan banyaknya. Linguist sekali-kali tidak dibenarkan melenyapkan data demi kepentingan bahasa itu sendiri.

### **Penguraian Konflik**

Apabila berlaku konflik yang timbul dalam penghuraian aspek nahu bahasa Melayu, sewajarnya dicarikan jalan untuk menghuraikan bahasa dengan lebih saintifik. Linguistik merupakan kajian sains yang membolehkan lebih banyak penyelidikan dilakukan. Linguistik bukan merupakan ilmu yang statik sifatnya kerana bahasa itu sendiri merupakan entiti yang hidup. Namun begitu, mana-mana kajian yang saintifik juga memerlukan huraian ilmiah dan kukuh bagi memastikan apa yang bakal dicadangkan menggantikan pendapat penahu terdahulu diyakini oleh pengguna bahasa. Antara jalan penyelesaian yang boleh diambil adalah dengan menggunakan data korpus berkomputer dan juga korpus pertuturan. Data korpus sendiri belum mencukupi untuk menjadi jalan penyelesaian. Maka analisis teoretislah yang akan menjadi pelengkap kepada jalan penyelesaian ini. Dalam kes kata bilangan ini, analisis semantik melalui pendekatan rangka rujuk silang dan pemilihan rujukan dapat membantu menguraikan permasalahan yang timbul.

McEnery (2001) menyatakan bahawa “linguistik korpus mungkin boleh diterjemahkan untuk ketika ini dalam bahasa mudah sebagai pengkajian bahasa yang berasaskan contoh-contoh ‘kehidupan sebenar’ penggunaan bahasa.” Malah McEnery seterusnya menambah, “ahli linguistik korpus mengkaji penggunaan sebenar bahasa sementara ahli linguistik lain hanya duduk di meja kopi dan memikirkan ayat-ayat liar dan yang tidak masuk akal.” Kenyataan McEnery tidak dipersetujui oleh mereka daripada aliran pemikiran Chomsky. Malah mereka menganggap linguistik korpus ini hanyalah urusan metodologi semata-mata.

Pendapat ini boleh disanggah dengan melihat bagaimana ahli semantik

sendiri yang pernah menyelesaikan masalah percanggahan makna dengan berbantuan data korpus. Mindt (1991) dalam McEnery (2001), membuktikan bahawa data korpus mampu menyediakan pertamanya kriteria yang objektif dalam menentukan makna dan keduanya menyelesaikan masalah kekaburan (*fuzziness*) dan darjah kecerunan makna (*gradience*) dalam bahasa Inggeris. Dengan bantuan korpus, Mindt telah berjaya menangkis dakwaan terawal penahu Inggeris mengenai kata kerja kala (*tenses*). Mindt mendapati subjek personal hadir dengan kerapnya dengan *present progressive* manakala subjek personal hadir sedikit dengan *simple future*, iaitu *will* dan *be going to*. Apa yang jelas di sini ialah wujudnya hubungan semantik antara jenis pelaku dengan bentuk kata kerja yang digunakan dalam rujukan masa muka (*future time reference*).

Hal yang sama boleh kita lihat dalam penentuan polisemi dalam kamus. Hawiyah Baba (2003) dan Nor Hashimah Jalaluddin (2003) ada melihat bagaimana makna polisemi dapat diselesaikan dalam kamus. Bersandarkan data korpus dengan berbantuan semantik kognitif, makna **keras** dapat disusun kembali mengikut kecerunan makna yang lebih sistematik.<sup>2</sup> Contoh kebaikan korpus membantu menyusun kecerunan makna adalah seperti yang berikut:

**keras 1.** kuat dan padu serta tidak mudah pecah (patah, bengkok, dll) atau berubah bentuknya, tidak lembut (empuk, lunak): **2.** dgn giat atau bersungguh-sungguh, dgn sepenuh tenaga atau usaha, dgn sungguh-sungguh hati (meminta, mendesak dsb): **3.** dgn tidak berganjak atau berubah sikap, teguh, kukuh, kuat: **4.** tidak dgn bertolak ansur (bkn bantahan, tentangan dsb), tegas: **5.** tidak secara sembarangan atau mahu tidak mahu, rapi (pemeriksaan, kawalan dll), ketat, sungguh-sungguh: **6.** berat akibatnya, tidak berdasarkan belas kasihan (bkn tindakan dsb) tegas, tidak berkira-kira: **7.** dgn sesungguhnya (tanpa sebarang kelonggaran, kekecualian, dsb) **8.** membahayakan dan mungkin membawa maut (bkn penyakit), teruk, berat: **9.** kuat (tidak lemah), tidak mudah ditewaskan (dikuasai dsb), hebat: **10.** kencang, deras (angin dll), sangat lebat (hujan): **11.** nyaring, kuat (suara, bunyi dll): **12.** tidak lemah lembut atau sopan santun (bkn kata-kata), (boleh) menyinggung perasaan: **13.** dapat memabukkan (bkn minuman spt bir, wain, wiski dsb), terasa kesan tembakaunya apabila dihisap (bkn rokok atau cerut), berat, sangat kuat kesannya (bkn ubat), terasa benar sama ada wangi atau busuk dsb (bkn bau), rangsang (bkn bau): **14.** ketat (sumbat botol

2 Definisi 'keras' dalam perunggu pertama dipetik dari *Kamus Dewan* (1994) sementara perunggu kedua ialah susunan kembali mengikut kecerunan makna semantik kognitif dan korpus.

dll) tidak mudah dilentur (bkn spring dsb), tegang: 15. tidak baik kerana (kononnya) ada penunggunya, berpuaka atau berhantu.

**keras 1.** (*deria sentuh*) kuat dan padu serta tidak mudah pecah (patah, bengkok, dll) atau berubah bentuknya, tidak lembut (empuk, lunak): 14. [2] (*deria sentuh*) ketat (sumbat botol dll) tidak mudah dilentur (bkn spring dsb), tegang: 11. [3] (*deria dengar*) nyaring, kuat (suara, bunyi dll): 10. [4]. (*deria lihat*) kencang, deras (angin dll), sangat lebat (hujan): 13. [5] (*deria bau*) dapat memabukkan (bkn minuman spt bir, wain, wiski dsb), (*deria bau*) terasa kesan tembakaunya apabila dihisap (bkn rokok atau cerut), (*deria bau*) berat, sangat kuat kesannya (bkn ubat), terasa benar sama ada wangi atau busuk dsb (bkn bau), rangsang (bkn bau): 2.[6] (*tingkah laku*) dgn giat atau bersungguh-sungguh, dgn sepenuh tenaga atau usaha, dgn sungguh-sungguh hati (meminta, mendesak dsb): 3.[7] (*tingkah laku*) dgn tidak berganjak atau berubah sikap, teguh, kukuh, kuat : 4.[8] (*tingkah laku*) tidak dgn bertolak ansur (bkn bantahan, tentangan dsb), tegas: 5.[9] (*tingkah laku*) tidak secara sembarangan atau mahu tidak mahu, rapi (pemeriksaan, kawalan dll), ketat, sungguh-sungguh: 6.[10] (*tingkah laku*) berat akibatnya, tidak berdasarkan belas kasihan (bkn tindakan dsb) tegas, tidak berkira-kira: 7.[11] (*tingkah laku*) dgn sesungguhnya (tanpa sebarang kelonggaran, kekecualian, dsb) 9.[12] (*tingkah lak*) kuat (tidak lemah), tidak mudah ditewaskan (dikuasai dsb), hebat.

Daripada paparan di atas, jelas bahawa data korpus mampu memberikan jalan penyelesaian ilmu semantik, khususnya dalam menangani kekaburan makna dan kecerunan makna. Makna **keras** dalam *Kamus Dewan* (1994)<sup>3</sup> mampu disusun semula peluasan makna dengan lebih sistematik dan mengikut urutan kognitif. Ini amat membantu pengguna melihat hubungan peluasan makna sesuatu entri dengan lebih terarah. Berbalik kepada kata bilangan. Ada kemungkinankah perkara yang sama dapat dilakukan? Jawapannya, ya. Mengikut penahu terdahulu, pengulangan kata nama yang mengikut kata bilangan kuantiti adalah salah dari segi hukum tatabahasa bahasa Melayu. Hanya Asmah yang tidak menyalahkan rumus itu dengan mengecualikan “para”. Masalahnya sekarang yang dikatakan salah itulah yang paling kerap muncul dalam korpus.

3 Susunan kata ‘keras’ dalam *Kamus Dewan* (1994) tidak menyalahi peraturan leksikografi. Pekamus telah menggunakan kaedah frekuensi bagi menyusun makna mengikut keutamaan. Cuma penggunaan data korpus berserta teori linguistik akan menjadikan penyusunan makna lebih sistematik.



Satu lagi peranan korpus dan linguistik dapat dibuktikan adalah melalui kajian Zaharani (2004). Sering kali apabila berlaku kesalahan bahasa yang dilakukan oleh penutur Melayu maka alasan lewah dijadikan taruhan. Mengapa “semua guru-guru” dianggap salah oleh penahu, adakah disebabkan oleh alasan lewah? Sebab itu jugalah imbuhan “memper-kan” juga dianggap salah, “yang paling cantik sekali” juga lewah. Banyak sekali kes morfologi yang bertentangan dengan nahu Melayu yang bersifat preskriptif juga boleh diselesaikan dengan bukti korpus dan linguistik.

Seterusnya, penggabungan dengan akhiran “-kan’ tidak dibenarkan sama sekali. Peraturan nahu ini bertepatan dengan pendeskripsian nahu yang dikemukakan dalam buku *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah, 1989). Kehadiran “-kan’ tidak diperlukan kerana ini akan menjadikan bentuk terbitan itu bersifat lewah. Sehubungan dengan itu, kata terbitan yang gramatis menurut nahu preskriptif ialah *memperbesar* dan bukannya *\*memperbesarkan*, *memperdalam* dan bukannya *\*memperdalamkan*.


Walaupun kedua-dua bentuk terbitan berkenaan dianggap tidak gramatis, kajian Zaharani (2002) menunjukkan bahawa penggunaannya dalam masyarakat begitu meluas dan produktif sekali. Kajian tentang penggunaan imbuhan “memper-” dan “memper-kan” berdasarkan pangkalan data korpus telah dilakukan oleh Abdul Jalil (2000). Beliau telah meneliti data korpus yang terdapat pada akhbar *Berita Harian* dan *Berita Minggu* bagi keluaran bulan April, Mei, dan Jun 2000. Hasil dapatan beliau menunjukkan bahawa penggunaan awalan “memper-” tidak begitu produktif berbanding dengan imbuhan “memper-kan”. Kajian ini juga menunjukkan bahawa imbuhan “memper-kan” bergabung dengan semua kelas kata bahasa Melayu termasuklah kata akar yang tergolong dalam kelas kata adjektif. Jadual di bawah menunjukkan kekerapan penggunaan imbuhan “memper-” dan “memper-kan” yang ditemukan dalam kata terbitan yang dikaji.

**Jadual 1** Kekerapan penggunaan imbuhan *memper-* dan *memper-kan*.

<b>Kata akar</b>	<b>Imbuhan <i>memper-</i></b>	<b>Imbuhan <i>memper-kan</i></b>
besar	-	9
cepat	3	41
kecil	2	12
kembang	2	15
kuat	1	11
kukuh	13	42
luas	8	33

Jadual di atas menunjukkan bahawa pengguna bahasa Melayu lebih cenderung dan gemar menggunakan imbuhan *memper-* berbanding dengan imbuhan *memper-*. Kecenderungan ini bukan didorong oleh cita rasa semata-mata, tetapi didasari oleh kecekapan penutur tentang bahasanya. Ini sebenarnya mencerminkan sistem nahu yang dipraktikkan oleh pengguna bahasa Melayu sebagai penutur natif.


Bukti kepentingan korpus dan linguistik seterusnya untuk menguraikan masalah pertelingkahan antara penahu dengan dapatan kajian korpus adalah dengan melihat kajian ganti nama. Nor Hashimah Jalaluddin (2004 – lihat Bab 10) telah membuktikan bahawa kata ganti nama *ia* dan *ianya* boleh digunakan untuk merujuk kepada manusia dan juga bukan manusia.



Rajah 1

Daripada rajah di atas, penggunaan KGN 'IA' untuk bukan manusia mengatasi penggunaan yang dihaskan kepada manusia. Sembilan puluh peratus daripada bahan yang dikaji daripada data klasik merujuk kepada bukan manusia. Lapan puluh empat persepuluh tujuh peratus daripada data majalah ilmiah, 81.7% daripada majalah bukan ilmiah dan 84.4% daripada buku merujuk kepada bukan manusia. Data ini menunjukkan yang *ia* sebagai KGN ketiga manusia sahaja harus diperbetul.

Daripada Rajah 2 di sebelah, dapat dilihat bahawa *ianya* boleh merujuk kepada manusia dan bukan manusia. Bagi data klasik, terdapat 76.7% data *ianya* merujuk kepada manusia, 3.9% bagi majalah ilmiah dan 0.6% bagi



Rajah 2

majalah bukan ilmiah. Tiada data yang menunjukkan *ianya* merujuk kepada manusia bagi buku teks. Bagi data ini, apa yang hendak dibuktikan ialah, *ianya* boleh merujuk kepada manusia (jika dilihat daripada data klasik) dan boleh juga merujuk kepada benda bukan abstrak.

Pembuktian linguistik berdasarkan korpus, khususnya yang menggunakan analisis semantik rangka rujuk silang berjaya meyakinkan penutur bahasa Melayu bahawa ganti nama *ia* dan *ianya* yang selama ini dikatakan tidak boleh digunakan untuk bukan manusia seharusnya boleh digunakan untuk bukan manusia setelah ia dibuktikan secara ilmiah boleh digunakan juga untuk bukan manusia.

### Pemikiran Khusus dan Tak Khusus

Selain pembuktian korpus dan linguistik, ciri pemikiran kebahasaan Melayu boleh juga diambil kira. Dalam hal ini ialah gagasan yang berkaitan dengan pemikiran khusus dan tidak khusus. Apa yang dimaksudkan pemikiran khusus dan tidak khusus ialah wujudnya makna selain jamak dalam sistem penggantian bahasa Melayu. Dalam kertas ini, pemikiran khusus dan tidak khusus disokong oleh kajian terdahulu dan kini dilanjutkan kepada perbincangan kata bilangan itu sendiri. Pendapat mengenai kata bilangan tak tentu yang menjamakkan kata namanya dianggap salah, boleh diuraikan dengan menggunakan analisis linguistik dan dalam konteks kertas ini, analisis semantik.

Nor Hashimah (2001), dalam tulisannya mengenai *Kata Ganda Bahasa Melayu: Analisis Semantik dan Pragmatik* telah membuktikan bahawa kata ganda boleh bermaksud bukan sahaja jamak tetapi juga boleh memaparkan maksud khusus dan tidak khusus. Kata adjektif, apabila digandakan boleh memperlihatkan ketidakkhususan maknanya. Contoh yang diberikan adalah seperti yang berikut:

**Kata Nama (khusus)**

Siapa  
Apa  
Mana  
Untung

**Kata Ganda (tidak khusus)**

siapa-siapa  
apa-apa  
mana-mana  
untung-untung<sup>4</sup>

**Kata Kerja (khusus)**

Main  
Duduk  
Makan  
Gila  
Jalan  
Minum  
Rehat

**Kata Ganda (tidak khusus)**

main-main  
duduk-duduk  
makan-makan  
gila-gila  
jalan-jalan  
minum-minum  
rehat-rehat

**Kata Adjektif (khusus)**

Gemuk  
Kurus  
Lampai  
Tinggi  
Sakit

**Kata Adjektif (tidak khusus)**

gemuk-gemuk  
kurus-kurus  
lampai-lampai  
tinggi-tinggi  
sakit-sakit

*Siapa-siapa* tidak mempunyai rujukan yang khusus. Contohnya, “Siapa-siapa yang terambil barang Siti diharap dapat memulangkannya.” Dalam ayat ini, tiada siapa yang difokuskan secara khusus. Begitu juga dengan *makan-makan*. *Makan-makan* boleh merujuk kepada apa-apa sahaja yang ringan sifatnya dan boleh dimakan, sama ada *kacang*, *asam*, *kuaci* berbanding dengan *nasi* atau *mi* yang lebih berat dan khusus. Seterusnya, *gemuk-gemuk*, gambaran tidak khusus tergambar di sini. Contohnya, “Budak Mat yang gemuk-gemuk itu yang menghantar surat ini.”

4 Kata adjektif berubah kepada kata nama setelah digandakan.

Selain kata ganda yang dipaparkan di atas, ada sejenis kata kerja yang selalu dikaitkan dengan aktiviti masyarakat Melayu yang boleh menerima imbuhan kata kerja *meN-* dengan mudah tetapi ada kes di mana kata kerja ini tidak dapat menerima imbuhan kata kerja *meN-*. Mana-mana kerja yang tidak khusus, maka imbuhan *meN-* tidak sesuai digunakan. Maka *memisau* dianggap janggal berbanding *memarang*. Kerja yang dilakukan oleh pisau menunjukkan ketidakkhususannya. Pisau turut boleh *menghiris*, *membelah*, *meracik* dan sebagainya sementara ini tidak berlaku kepada parang. Parang memang khusus untuk *menebang*. Begitulah seterusnya dengan *merumput* dan *melalang*, *menyusu* dan *membotol* dan sebagai. Perhatikan contoh di bawah.

Khusus	Tidak khusus
memarang	memisau
merumput	melalang
merokok	memaip
menari	menjoget
menyusu/menetek	membotol

Ciri khusus dan tidak khusus di atas dapat dikaitkan dengan proses kognitif manusia semasa berkomunikasi. Sperber dan Wilson (1999:405) mengatakan:

“Tiada alasan untuk memikirkan bahawa ekspresi interpretif bagi pemikiran yang relevan secara optimum selalu yang paling harfiah. Penutur diandaikan untuk mencapai relevan yang optimum, bukan pada kebenaran harfiah.”

Yang dimaksudkan oleh Sperber dan Wilson adalah, memang sifat semula jadi manusia dalam berkomunikasi memberikan tumpuan kepada yang relevan dengan dirinya sahaja. Meskipun apa yang disampaikan itu sesuatu yang tidak khusus, itu telah memadai asalkan makna yang hendak difahami dan interpretasi yang bakal diperoleh memadai dengan tumpuan yang diberikan. Kadang-kadang apa yang hendak disampaikan ialah sesuatu

yang bersifat umum. Dan menjadi tanggungjawab pendengar untuk menyaring dan memproses ujaran itu dengan lanjut mengikut kerelevanan si penutur dan pendengar.

Berbalik semula kepada kata bilangan yang mempunyai kata nama ganda yang mempunyai makna khusus dan tidak khusus tadi. Jika seseorang ingin menyatakan apa yang sedang dilakukan atau sifat seseorang secara khusus, maka sudah memadai kata dasar digunakan. Pendengar boleh memproses maklumat itu dan ketegasan diperoleh hasil daripada kekhususan itu. Tetapi jika apa yang ingin disampaikan itu sesuatu yang tidak khusus, tidak serius, yang tidak menuntut tumpuan sepenuh kedua-dua penutur dan pendengar, maka kata nama berganda lebih sesuai digunakan. Kedua-dua ini bertepatan dengan nurani manusia. Sudah tentu sesuatu yang tidak khusus tidak akan menuntut keharfiah dalam ujaran. Manusia yang mempunyai fikiran yang heuristik dapat menerima penjelasan tidak khusus dalam perbualan mereka. Malah mereka masih mampu memproses makna yang hendak disampaikan tanpa banyak masalah. Apa yang penting ialah konteks yang dibekalkan jelas serta perkataan yang dipilih mudah untuk diproses.

### **Penguraian Masalah Kata Bilangan Tak Tentu**

Sebagaimana kaedah penyelesaian masalah ganti nama *ia* dan *ianya* bersandarkan data korpus linguistik bersama rangka rujuk silang, kata bilangan juga akan mengikut prosedur yang sama dengan tambahan subkonsep pemilihan rujukan yang dibincangkan dalam teori Relevans (1995).<sup>5</sup> Kertas ini akan menggunakan saranan khusus dan tidak khusus sekali lagi dalam mengkategorikan makna kata bilangan tak tentu. Maka dengan ini, mana-mana kata bilangan tak tentu yang menggunakan kata nama tunggal, dianggap sebagai membawa maksud **khusus**. Manakala mana-mana kata bilangan tak tentu yang menggunakan kata nama jamak, dianggap sebagai membawa maksud **tidak khusus**.

---

5 Teori Relevans tidak akan dibincangkan di sini. Sila lihat Nor Hashimah, 1992, 1999 dan 2003 untuk penjelasan lanjut mengenai teori ini.

Contoh di bawah akan dapat mengurangkan kekeliruan:

Kata Bilangan Tak Tentu Khusus	Kata Bilangan Tak Tentu Tidak Khusus
<p>***sesetengah*** calon menggunakan khidmat bomoh Siam, bomoh Jawa dan bomoh Orang Asli untuk menang,</p>	<p>Dia ingin menyatakan rasa kesalnya dengan sikap dan pemikiran ***sesetengah*** orang-orang kampung.</p>
<p>bilangan peniaga buah sawit sudah mencapai tahap maksimum kerana ***sebilangan*** besar mewujudkan persaingan tidak sihat sehingga menjadi penyumbang kejatuhan OER.</p>	<p>Kita mungkin ada pengalaman melihat bagaimana ada ***sebilangan*** anak-anak muda yang menghabiskan malam.</p>
<p>Ini kerana ***kebanyakan*** sumbangan karyawan seni yang sudah mati lebih bernilai berbanding rakan-rakan mereka yang masih hidup.</p>	<p>Saya yakin keadaan kita lebih baik daripada ***kebanyakan*** negara-negara lain yang mana negara lain mereka memang pun tidak dapat memberi peluang kerja.</p>
<p>***semua*** penghulu mukim, ketua kampung, Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dikehendaki memberi penerangan dan penjelasan.</p>	<p>***Semua*** lesen-lesen perjudian dan tempat-tempat hiburan sebagai punca-punca maksiat dibekukan.</p>

Berdasarkan contoh di atas, satu pola yang jelas telah ditemukan yang membolehkan kedua-dua kata bilangan tak tentu dianalisis, dan mempunyai peranan masing-masing. Cara penyelesaian masalah daripada ketidakgramatisan kepada yang gramatis adalah dengan menggunakan rangka rujuk silang dan subkonsep pemilihan rujukan.

Pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) yang berteraskan konsep teori Relevans boleh membantu penahu melihat bagaimana KGN yang juga bertindak sebagai anafora dan kadangkala katafora ini diberi rujukan. Menurut Kempson (1986), rangka rujuk silang ialah suatu ujaran yang tidak mempunyai anteseden yang dapat mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama dalam satu wacana bagi membantu pendengar mentafsir ujaran tersebut. Anteseden yang diperlukan tidak wujud langsung, sama ada daripada kandungan eksplisitnya mahupun gambaran visualnya. Oleh yang demikian, rangka rujuk silang mesti

melibatkan sekurang-kurangnya dua ayat selapis. Bagi membantu pendengar memahami ujarannya, penutur hendaklah memberikan premis tambahan yang dapat menjadi sebahagian daripada konteks. Pendengar pula akan menggunakan premis tambahan itu bagi mengesan anteseden yang diperlukan bagi memahami makna sebenar yang dihajati oleh penutur. Sebagai contoh,

- (i) Maka dicampakkannya galahnya, katanya, “Lari kita, perahu ini **ia** tiada mahu mudik dipegang (oleh) hantu air.

**Ia** di sini merupakan KGN yang mempunyai rujukan khusus. **Ia** juga dikenali sebagai anafora. Tetapi rujukan yang jelas tidak kelihatan di sini. Dengan menggunakan RRS, **ia** dapat dipautkan pada perahu. Berdasarkan konteks yang kita maklum bahawa perahu ialah benda yang boleh mudik, maklumat galah dan hantu air ialah maklumat tambahan yang menguatkan tafsiran kita bahawa *ia* merujuk kepada perahu. Maklumat konteks ialah maklumat bukan linguistik. Dari segi semantik, maknanya akan terhenti setakat bentuk logik sahaja. Sementara pragmatik akan menjelaskan maklumat seterusnya yang dikehendaki.<sup>6</sup> Hal yang sama juga boleh diterapkan bagi makna khusus dan tidak khusus ini. Pemilihan rujukan bersama rujuk silang mampu menghuraikan mengapa kata nama itu boleh dikategorikan sebagai khusus dan tidak khusus. Rujukan yang dicari itu dapat dibantu oleh maklumat konteks yang sedia ada.

### **Kata Bilangan Tak Tentu dan Rangka Rujuk Silang (RRS)**

Berdasarkan data yang di atas dan beberapa data tambahan daripada korpus, masalah kewujudan kata ganda pada kata bilangan tak tentu dapat dihuraikan penggunaannya. Dalam bahagian ini, kesemua kata bilangan tak tentu khusus dan tak khusus akan dibincangkan satu per satu. Kata bilangan yang terlibat ialah *semua*, *kebanyakan*, *sebilangan*, *sebahagian* dan *segala*.

6 Sebelum memahami pendekatan rangka rujuk silang, pembaca haruslah mengetahui teori Relevans terlebih dahulu. Saya ada banyak menulis mengenai teori Relevans, bermula pada tahun 1989 hingga kini.



**Semua**

<p>(1a) ***semua*** penghulu mukim, ketua kampung, Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dikehendaki memberi penerangan dan penjelasan.</p>	<p>(1b) tahap penglibatan yang tinggi oleh ***semua*** pegawai-pegawai dan keseluruhan proses telah dipermudahkan.</p>
<p>(2a) ***semua*** pengurusan kilang perlu prihatin dan bersama membantu polis dengan menyediakan peralatan keselamatan yang berkesan serta memastikan jaga benar-benar bertugas.</p>	<p>(2b) kerana Malaysia-Singapura perlu mencari jalan penyelesaian terbaik bagi meleraikan ***semua*** isu-isu yang pernah merenggangkan hubungan dua hala kedua-dua negara.</p>
<p>(3a) kerajaan bersetuju menggunakan angka Bank Negara yang memasukkan ***semua*** kategori jangka pendek, sederhana dan panjang.</p>	<p>(3b) Tulislah surat atau hantarlah telegram kepada ***semua*** Raja-Raja Melayu.</p>

Jika diperhatikan daripada data kata bilangan *semua* di atas, wujud pola makna khusus dan tidak khusus pada contoh ayat yang diberikan. (1a), (2a) dan (3a) merupakan contoh kata bilangan kuantiti yang diiktiraf sebagai gramatis. Sementara (1b), (2b) dan (3b) ialah kata bilangan tak tentu yang melanggar rumus tatabahasa Melayu. Pendapat ini boleh diperbetul dengan mengatakan bahawa wujud dua jenis kata bilangan tak tentu dalam bahasa Melayu. Satu kata bilangan tak tentu khusus. Di sini kata bilangan tak tentu khusus tidak digandakan. Khusus di sini bermaksud kata nama yang digunakan mempunyai rujukan yang jelas dan boleh dibekalkan daripada konteks ayat yang dibincangkan. Di sini rangka rujuk silang boleh diterapkan. Buktinya, *semua penghulu mukim, ketua kampung, Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), semua pengurusan kilang dan semua kategori jangka pendek, sederhana dan panjang* memperlihatkan kekhususan maklumat yang disampaikan.

Berbanding dengan kata bilangan tak tentu tak khusus yang menggunakan jamak, kesemua contoh tidak memberikan rujukan yang khusus tetapi umum sifatnya. Kita masih boleh bertanya pegawai dari

mana, isu yang mana dan raja Melayu yang mana satu. Wujud kenyataan yang jelas umum sifatnya. Jadi pembahagian boleh dibuat dengan mengkategorikan mana-mana kata bilangan tak tentu yang khusus mengambil kata nama tunggal sementara kata bilangan tak tentu yang tidak khusus mengambil kata nama jamak.

**Kebanyakan**

<p>(4a) ***kebanyakan*** pembiayaan seperti Bai Murabahah, Bai Muajjal dan Bai Istisna adalah berdasarkan kaedah kadar faedah tetap.</p>	<p>(4b) Jarak berselangan di antara ***kebanyakan*** huruf-huruf adalah sama.</p>
<p>(5a) ***kebanyakan*** iklim dan keadaan cuaca dunia mula kembali normal.</p>	<p>(5b) ***Kebanyakan*** corak-corak hiasan pada hasil-hasil kraf tersebut disusun berdasarkan kepada struktur formal.</p>
<p>(6a) tidak semua kes kemerosotan mutu kredit berkaitan kegawatan kewangan serantau dan ***kebanyakan*** penurunan taraf dilihat RAM sebagai sebahagian daripada perubahan profil risiko kredit korporat yang timbul.</p>	<p>(6b) ***Kebanyakan*** pokok-pokok balak ditebang dengan begitu hebat.</p>

Hal yang sama dapat diperhatikan pada contoh di atas. (4a), (5a) dan (6a) menceritakan predikat yang benar-benar khusus dan dapat diramal rujukannya berdasarkan konteks ayat itu sendiri. (4a) adalah mengenai *sistem pembiayaan bank*, (5a) adalah mengenai *iklim dan keadaan cuaca* dan (6a) adalah berkenaan dengan *mutu kredit (sistem kewangan)*. Teori Relevans ada menetapkan bahawa pemilihan rujukan adalah salah satu subkonsep yang penting bagi memastikan ujaran itu dapat difahami oleh pendengar. Jadi memandangkan objeknya memang jelas rujukannya, maka kata nama tunggal sudah boleh menerangkan kekhususan perkara yang dibicarakan. Perlu diingat bahawa kedua-dua jenis kata bilangan tak tentu

ini membawa maksud jamak. Yang membezakannya ialah satu khusus dan satu lagi tidak khusus. Berbalik semula kepada (4b), (5b) dan (6b). Ketiga-tiga contoh data itu memang memaparkan objek yang umum seperti ungkapan *huruf-huruf*, *corak-corak* dan *pokok-pokok*. Pendengar terpaksa mencari maklumat tambahan bagi memastikan interpretasinya tepat. Mengikut teori Relevans, mana-mana ungkapan yang umum sifatnya membawa maksud tidak perlu diberikan perhatian serius. Pendengar akan berhenti memproses satu-satu maklumat itu setelah cukup keoptimumannya. Di sini mungkin penutur mengandaikan tiada apa-apa yang serius yang perlu dibincangkan, cukup sekadar menyatakan secara tidak khusus.

**Sebilangan**

<p>(7a) “Saya kesal dengan sikap ***sebilangan*** orang Pas kerana selepas kita memberi bantuan, mereka pula menimbulkan isu.</p>	<p>(7b) Namun demikian keuntungan daripada perdagangan komoditi ini mencakupi untuk menampung ***sebilangan*** besar pedagang-pedagang desa.</p>
<p>(8a) Hakikatnya inilah aktiviti ***sebilangan*** ‘remaja kota’ terutama di bandar utama.</p>	<p>(8b) Suatu amalan yang berlaku dalam masyarakat kita sekarang ialah keengganan ***sebilangan*** kecil anak-anak menjaga ibu bapa mereka yang sudah lanjut umur.</p>
<p>(9a) ***Sebilangan*** wakil media juga turut bermain congkak bersama penduduk tempatan dan menyaksikan proses membuat kuih baulu.</p>	<p>(9b) Kita mungkin ada pengalaman melihat bagaimana ada ***sebilangan*** anak-anak muda yang menghabiskan malam-malam Ramadan dengan kerja sia-sia.</p>

Seterusnya kata bilangan sebilangan juga memaparkan pola yang sama. Sekali lagi *orang Pas* boleh dikaitkan dengan sikap mereka, *remaja kota* dengan aktiviti mereka dan *wakil media* berbanding dengan penduduk tempatan merupakan maklumat yang jelas rujukannya dan bersifat khusus. Sebaliknya *pedagang-pedagang*, *anak-anak* dan *anak-anak muda* adalah begitu umum sifatnya.

**Sebahagian**

(10a) ***sebahagian*** ahli Jawatankuasa Masjid Nurul Hidayah mendengar ucapan Shamsul Baharin.	(10b) Sebenarnya perbezaannya hanya sedikit dan ***sebahagian*** besar bidang-bidang yang dibincangkan adalah sama.
(11a) ***sebahagian*** projek Sri Puteh di Arena Kepayang Putra yang memberikan keselesaan kepada penghuninya.	(11b) ***Sebahagian*** daripada peniaga-peniaga Melayu ini memang tidak bersedia untuk menghadapi cabaran dan saingan sengit dalam pemasaran koko.
(12a) ***sebahagian*** besar penggambaran dibuat di Padang, Sumatera Barat, paling mencabar kemampuannya.	(12b) menjadi ***sebahagian*** daripada unsur-unsur sastera pascamodenisme dalam beberapa hal yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam.

(10a), (11a) dan (12a) juga memaparkan perkara yang sama. Kekhususan dengan rujukan yang boleh didapati terus daripada konteks ayat itu sendiri meletakkan kata nama tunggal sebagai pengiring kata bilangan sebahagian. Manakala di bahagian tidak khusus pula persembahan ungkapan itu tidak memberatkan sebarang maklumat khusus yang perlu diberikan perhatian oleh pendengar. Ungkapan *Ahli Jawatankuasa Masjid, Projek Sri Puteh* dan *penggambaran di Padang* sangat khusus sifatnya dan jelas rujukannya. Maka dengan ini ujaran itu dianggap jelas dan nyata dan tidak perlu kepada pengayaan maklumat. Sementara *bidang-bidang, peniaga-peniaga Melayu* dan *unsur-unsur sastera* adalah kenyataan umum yang tidak menuntut perhatian yang khusus. Data itu setakat menceritakan perkara yang umum yang sudah tentu tidak memerlukan usaha yang tinggi bagi mencapai kerelevannya.

**Segala**

<p>(13a) “***Segala*** tanggungan dan aset syarikat kewangan itu akan ditanggung oleh syarikat induk perbankan dan ini termasuk kontrak sedia ada pelanggan dengan firma kewangan terbabit,” katanya.</p>	<p>(13b) Kerja-kerja pembinaan empangan dijalankan oleh sekumpulan petani yang akan melantik seorang ketua yang bertanggungjawab untuk mengawas ***segala*** kerja-kerja dan setelah siap, penjagaannya.</p>
<p>(14a) Pertama, pengakuan keesaan Tuhan serta penolakan terhadap ***segala*** macam dan bentuk kemusyrikan baik berupa patung, bintang, bulan dan matahari</p>	<p>(14b) Ini dijalankan beberapa kali sehinggalah ***segala*** rumput-rampai itu reput.</p>
<p>(15a) Seha berkata ***segala*** persiapan untuk AIM’98 kini berjalan lancar dengan menampilkan Harith Iskandar sebagai pengacara.</p>	<p>(15b) Enakmen ini telah menghakis ***segala*** batasan-batasan yang menghalang proses pengeluaran untuk pasaran.</p>

Sekali lagi pola yang sama dapat dilihat daripada contoh kata bilangan *segala*. Polanya ialah khusus melawan tidak khusus. *Aset syarikat kewangan* dirantaikan maklumatnya pada *firma kewangan* boleh mensahihkan analisis rangka rujuk silang. Maklumat tambahan mengukuhkan lagi maklumat yang hendak disampaikan. Begitu juga dengan bentuk *kemusyrikan* ditalikan kepada maklumat seperti *patung, bintang, bulan* yang bertindak sebagai anteseden bagi mengukuhkan lagi bentuk yang dianggap sebagai musyrik. Sementara *persiapan AIM* dikaitkan dengan *Harith Iskandar* sebagai pengacara merupakan pelengkap kepada persiapan AIM itu sendiri. Pembaca terus mendapat maklumat yang khusus daripada konteks yang ada. Dengan itu kata nama yang mengikuti kata bilangan itu tidak perlu dijamakkan. Tetapi berlainan halnya pula dengan contoh (13b), (14b) dan (15b). Kerja-kerja *pembinaan, rumput-rampai* dan *batasan-batasan* ialah maklumat

umum yang tidak memerlukan perhatian daripada pendengar. Dengan itu penggandaan pada kata nama menggambarkan ciri ketidakkhususan itu.

## KESIMPULAN

Keseluruhan perbincangan yang menyentuh tentang hubungan linguistik dan korpus telah membawa satu penemuan baharu dalam membicarakan kata bilangan bahasa Melayu. Peranan korpus yang menyenaraikan data yang lebih autentik sifatnya mampu membantu ahli linguistik melihat pola bahasa dengan lebih alamiah. Tafsiran mengenai pola yang ada sekurang-kurangnya dapat mengelakkan sifat bias dalam membentuk peraturan nahu. Malah apa yang lebih menarik lagi ialah adanya mekanisme kognitif di sebalik pola bahasa yang wujud. Ini berlaku dalam semua bahasa di dunia. Maka adalah kurang tepat jika bahasa diberikan penerangan secara preskriptif yang kadang-kadang menghasilkan rumus yang janggal dengan bahasa itu sendiri.

Yang penting ialah disiplin ilmu linguistik itu mengizinkan penghuraian pola bahasa secara saintifik. Tidak wujud salah atau betulnya dengan bahasa itu. Sebagai linguist, tugas kita adalah untuk menghuraikan mengapakah bahasa itu berpola begitu. Secara tidak langsung, penjelasan terhadap nahu akan menjadi lebih mencabar dan lebih baik. Sekatan kepada kekreatifan berbahasa akan melahirkan rumus yang melanggar sifat alamiah bahasa itu sendiri. Pengguna akan terasa seperti dikongkong dan mula enggan berbahasa lalu mencari jalan keluar membentuk pola bahasa mereka sendiri. Sudah tentu kita tidak mahu perkara ini terjadi kepada bahasa Melayu itu sendiri.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan dan Liaw Yock Fang, 1993. *Nahu Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Abdul Jalil Anuar, 2000. "Pangkalan Data Korpus dan Penyelidikan Bahasa: Kajian Kes Memper". Kertas kerja dalam Persidangan Linguistik ASEAN 1. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, April 2000.
- Asmah Hj. Omar, 1982. *Nahu Mutakhir Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hawiyah Baba, 2003. "Perluasan Makna Kata Sifat Tabii dan Kata Sifat Indera. Sentuh: "Analisis Semantik Kognitif". Kertas Projek Sarjana. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Kamus Dewan*, 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kempson, R., 1986a. "Definite np's and context – dependence" dlm. Ed. T. Myers *et al.*, *Meaning and interpretation*. Oxford: Basil Blackwell.
- McEnery Tony dan Andrew Wilson, 1996. *Corpus Linguistics*. Edinburgh: Edinburgh Univ. Press.
- Nik Safiah *et al.*, 1986. *Tatabahasa Dewan* Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah *et al.*, 1989. *Tatabahasa Dewan* Jilid 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. "Kata Ganda Bahasa Melayu: Analisis Semantik dan Pragmatik" dlm. *Majalah Dewan Bahasa* 3:3, hlm. 26–33, Mac 2003.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2003. "Masalah Polisemi dalam Perkamusan: Analisis Semantik Kognitif". Kertas kerja dalam *International Workshop of Lexicography*. Universiti Indonesia, Jakarta, Indonesia, Disember 2003.
- Nor Hashimah Jalaluddin *et al.*, 2003. "*Penguasaan Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Melayu dalam Arus Globalisasi*". Penyelidikan Arus Perdana AP 1/2000, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2004, "Nahu Praktis Ganti Nama 'Ia' dan 'Ianya' dalam Data Korpus: Analisis Rangka Rujuk Silang", Prosiding Seminar Sehari Linguistik dan IRPA 07-02-02-0023 EA211, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 30 Mac 2004.
- Pangkalan Data Korpus Berkomputer*, Jabatan Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sperber, D. dan D. Wilson, 1995. *Relevance Theory: Communication and Cognition*. Oxford: Basil Blackwell.
- Zaharani Ahmad, 2004. "Pengimbuhan Memper-kan dengan Kata Adjektif: Analisis Data Korpus Berkomputer". Prosiding Seminar Sehari Linguistik dan IRPA 07-02-02-0023 EA211, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 30 Mac 2004.